

# Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keyakinan Guru Pelatih Semasa Menjalani Latihan Mengajar

Noor Azlan Bin Ahmad Zanzali & Hasriani Binti Asri Atjeng  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi keyakinan guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar. Responden terdiri daripada enam orang pelajar Universiti Teknologi Malaysia yang sedang menjalani latihan mengajar dan empat orang guru pembimbing. Kajian ini memberi fokus kepada penguasaan mereka tentang pengetahuan ilmu matematik, pedagogi matematik dan psikologi pembelajaran. Kajian ini merumuskan bahawa ketiga-tiga faktor tersebut memberi kesan yang mendalam di dalam diri mereka seterusnya kepada hasil pengajaran mereka. Dengan menguasai ilmu matematik guru pelatih berkeyakinan untuk memberi jawapan apabila diajukan sebarang pertanyaan oleh pelajar. Penguasaan pedagogi matematik merupakan perkara yang amat penting untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan dan bermakna kepada pelajar. Selain itu, memahami psikologi pembelajaran di dalam konteks menguji pemahaman pelajar tidak kurang pentingnya. Menguji pemahaman pelajar penting untuk mengenal pasti kelemahan pelajar. Ketiga-tiga faktor tersebut saling berkait di dalam mempengaruhi keyakinan guru pelatih untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan.

**Abstract:** This study investigated factors affecting the teacher trainees' confidence during teaching practice. The respondent consists of six students from Universiti Teknologi Malaysia who are undergoing practical teaching and four supervisors. It is focused on the factors related mathematical knowledge, mathematical pedagogy and learning psychology. This research found that all the factors affected the teacher trainees' confidence significantly. By mastering the content knowledge the trainee is more confident in teaching. The mathematical pedagogy is very important to master in order to conduct teaching. Understanding the learning psychology in testing students understanding context is very important too. This is because by testing students understanding teacher can identify students' weakness. The three factors mentions above were related with each other in affecting the teacher trainees' confidence in teaching.

*Katakunci:* keyakinan guru pelatih, latihan mengajar

## Pengenalan

Secara umumnya, program pendidikan guru di semua IPT dan BPG memiliki kesamaan dari segi komponen-komponen kursus yang ditawarkan. Kurikulum program pendidikan boleh dibahagikan kepada dua iaitu teori dan praktikal. Kurikulum teori termasuklah komponen-komponen kursus seperti asas, teras, elektif dan umum. Manakala praktikal merupakan amali atau lebih dikenali sebagai latihan mengajar (LM). Di banyak negara pula, program pendidikan guru terdiri daripada dua komponen utama iaitu kerja kursus dan komponen amali (Anderson, 1995). Dalam melahirkan seorang guru yang mampu mendidik generasi masa depan, bakalbakal guru didedahkan dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran terlebih dahulu sebelum mereka menjalani latihan mengajar.

## Pernyataan Masalah

Menurut Zakaria et al. (2001), kebanyakan guru pelatih tidak dapat mengaplikasikan kaedah-kaedah yang telah dipelajari sebelumnya ketika di institusi pengajian tinggi ke dalam kelas sebenar semasa di sekolah. Ini mungkin dipengaruhi oleh faktor kesediaan pelajar.

Beth Southwell and Allan L. White (2005) dalam kajiannya yang bertajuk 'Attitudes versus Achievement in Pre-service Mathematics Teacher Education' memberikan statistik seperti berikut: 83% responden bersetuju dengan pernyataan "Saya yakin dengan kaedah pengajaran matematik yang saya gunakan" manakala sebanyak 71% tidak bersetuju dengan pernyataan "Saya kurang pasti tentang apa yang saya lakukan semasa mengajar subjek matematik".

Kajian yang dilakukan oleh General Teaching Council for England (GTC) (2006), menunjukkan sebanyak 97% guru pelatih berasa yakin terhadap latihan yang dijalani. Latihan tersebut telah melatih mereka untuk mengajar dengan baik.

Jacqui Nunn, Assistant Director of Initial Teacher Training at the TDA, mengulas kajian ini dengan menyatakan: "...*newly qualified teachers have confidence that their training has prepared them for the exciting and diverse challenges of teaching, no matter which route they choose to achieve Qualified Teacher Status.*"

Dalam bahasa Inggeris keyakinan disebut sebagai 'confidence'. Perkataan confidence berasal dari bahasa Latin iaitu 'confidere', ia bermaksud mempercayai. Misalnya, 'saya yakin dengan kemampuan anda'. Keyakinan juga bermaksud, mempercayai pada diri sendiri untuk membuat keputusan dalam hidup, untuk menghadapi perkara-perkara yang tidak dijangka, dan bersosial dengan orang lain (Philippa Davies, 1994).

Pada pendapat penyelidik, keyakinan merupakan satu aspek yang penting dalam pengajaran. Dengan rasa yakin guru pelatih mampu menghasilkan pengajaran yang baik. Keyakinan pula boleh dipupuk dengan mengenalpasti faktor-faktor yang dapat membantu mereka untuk memperoleh keyakinan tersebut. Dengan itu, guru pelatih harus mengetahui faktor-faktor tersebut. Adakah pengetahuan kandungan (content knowledge), pengetahuan pedagogi (pedagogical knowledge) serta psikologi pembelajaran merupakan aspek-aspek yang mempengaruhi keyakinan mereka semasa menjalani latihan mengajar?

Satu kajian yang dijalankan oleh Ray Huntley (2004) mendapati. Daripada pengalaman sebagai pelajar, guru pelatih dapat membina keyakinan untuk belajar dan mengajar matematik.

Sebuah kajian juga telah dijalankan di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan mendapati bahawa masalah yang paling besar dihadapi oleh guru pelatih ialah proses pengajaran dan pembelajaran (Zakaria et al., 2001). Dalam merancang pengajaran dan pembelajaran, seseorang guru pelatih mesti bijak memilih kaedah mengajar, membuat perancangan pengajaran dan menyediakan bahan bantu mengajar.

Kajian yang dijalankan oleh Jegede, Taplin and Chan (2000) ke atas "trainee teachers' perceptions of their current knowledge and what they needed to know to become expert teachers". Kajian ini merumuskan, bahawa content knowledge, pedagogical knowledge dan pedagogical content knowledge merupakan bidang ilmu yang amat penting yang mesti dikuasai untuk menjadi seorang guru yang mahir. Herbert dan Worthy (2001) juga menyentuh tentang masalah pengurusan kelas, kebolehan merancang dan penguasaan subjek yang diajar sangat penting untuk ditangani oleh guru-guru baru.

Oleh yang demikian, kajian yang akan dijalankan ini akan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi keyakinan guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar. Faktor-faktor yang akan difokuskan adalah knowledge content, pedagogical knowledge dan psikologi pembelajaran. Adakah ketiga-tiga faktor di atas mempengaruhi keyakinan mereka semasa menjalani latihan mengajar? Pada pendapat penyelidik, keyakinan merupakan salah satu sifat yang perlu ada pada setiap manusia untuk mencapai sesuatu matlamat.

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian yang akan dijalankan adalah:

- 1 Mengenalpasti sejauh mana penguasaan guru pelatih terhadap ilmu matematik.
- 2 Mengetahui sejauh mana pengetahuan guru pelatih terhadap pedagogi matematik.
- 3 Mengenalpasti pengetahuan guru pelatih terhadap ilmu psikologi pembelajaran.

## **Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi keyakinan guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar. Dari kajian ini akan dapat mengetahui faktor yang mempengaruhi keyakinan guru pelatih di dalam pengajaran. Selain itu dapat memberikan maklumat tentang persediaan yang perlu diketahui oleh bakal-bakal guru.

Hasil kajian yang akan dijalankan ini diharapkan dapat menjadi satu panduan kepada pelajar Fakulti Pendidikan yang ingin mengetahui apakah perkara-perkara yang perlu mereka kuasai semasa menjalani latihan mengajar.

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat membantu pihak pengurusan Fakulti Pendidikan mengenai persediaan yang perlu diberikan kepada pelajar Fakulti Pendidikan sebelum mereka pergi menjalani latihan mengajar.

Akhir sekali, kajian ini dijangka akan dapat menunjukkan kepentingan 'Pedagogical Content Knowledge' (PCK) untuk dikuasai oleh bakal-bakal guru di dalam profession perguruan. Keyakinan turut dapat ditingkatkan sekiranya guru pelatih memahami komponen-komponen tersebut.

## **Skop Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi keyakinan guru pelatih UTM semasa menjalani latihan mengajar. Responden terdiri daripada guru pelatih UTM di sekitar Zon Johor Bahru dan Kulai dari pengkhususan matematik dan guru pembimbing mereka.

## **Metodologi**

### **Tempat kajian**

Kajian ini akan dijalankan di sekolah-sekolah menengah Zon Johor Bahru yang mempunyai guru-guru pelatih UTM yang dipilih sebagai responden. Responden adalah terdiri daripada guru pelatih UTM dari pengkhususan matematik dan guru pembimbing mereka.

### **Sampel Kajian**

Kajian ini merupakan kajian deskriptif berbentuk tinjauan dan juga pemerhatian. Menurut Mohd Majid (1994), kaedah deskriptif adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu masalah atau fenomena yang sedang berlaku.

Seramai enam orang responden dari kalangan guru pelatih dan empat orang guru pembimbing akan dipilih sebagai sampel kajian. Penyelidik akan menjalankan temubual dan pemerhatian terhadap responden-responden di atas.

## **Instrumen Kajian**

Pemerhatian merupakan salah satu teknik yang boleh digunakan untuk mengesan kecerdasan pelbagai responden secara langsung. Manakala menurut Louis, Lawrence dan Keith (2003), soal selidik ialah satu instrumen yang lazim digunakan dalam kajian tinjauan. Menurut Grosshans dan Chelimsky (1999) pula, temubual sesuai digunakan untuk mendapatkan data dari responden yang terlibat secara langsung dan terperinci.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian untuk mendapatkan maklumat daripada responden mengenai bagaimana ketiga-tiga faktor seperti pengetahuan matematik (content knowledge), pedagogi matematik (pedagogical mathematics) dan psikologi pembelajaran mempengaruhi keyakinan mereka semasa menjalani latihan mengajar.

### **1 Kaedah Temubual**

Temubual juga merupakan salah satu instrumen yang akan digunakan dalam kajian ini. Daripada temubual penyelidik akan memperoleh data berbentuk kualitatif. Data-data yang diperoleh akan membantu penyelidik menyokong hasil kajian temuramah yang telah dijalankan ke atas responden.

John dan James (1998) mengatakan bahawa temubual dapat menjelaskan tentang corak pemikiran seseorang responden. Sumber maklumat yang diperoleh dari temubual juga lebih kaya dan mendalam, terutamanya apabila membincangkan mengenai proses pemikiran seseorang responden itu.

Terdapat dua jenis temubual, iaitu temubual berstruktur dan temubual separuh berstruktur. Namun dalam kajian ini, penyelidik hanya menggunakan temubual separuh berstruktur yang merupakan temubual yang melibatkan soalan-soalan yang lebih terbuka dan memberi kebebasan kepada responden untuk mengutarakan respon mereka. Jangkaan jawapan tidak disediakan dan segala kemungkinan jawapan dari responden diterima. Untuk membantu pelaksanaan proses temubual dalam kajian ini, pelbagai perkataan yang berbentuk pemangkin kepada pengeluar respon dari responden telah digunakan seperti perkataan 'pada pendapat anda', bagaimanakah', dan sebagainya.

### **2 Kaedah Pemerhatian**

Selain daripada temubual, pemerhatian juga turut dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat tambahan. Menurut Merriam (1998), menerusi proses pemerhatian, penyelidik boleh melakukan proses triangulasi terhadap penemuan yang diperoleh dengan proses temubual atau analisis jurnal peribadi.

Dalam kajian ini, menerusi proses pemerhatian, pengkaji dapat memperoleh data-data yang akan mengukuhkan lagi dapatan kajian dari temubual yang dibuat.

## Keputusan

Responden	Ilmu Matematik (Content Knowledge)	Pedagogi Matematik (Mathematical Pedagogy)	Psikologi Pembelajaran
Sampel A	<p>1) Penguasaan terhadap silibus matematik Tingkatan dua adalah sangat baik.</p> <p>2) Merujuk guru pembimbing tentang bagaimana untuk mengajar sesuatu topik agar pelajar mudah faham.</p>	<p>1) Tidak mempraktikkan pedagogi yang telah dipelajari.</p> <p>2) Sering mengajar secara tradisional dengan berpandukan buku rujukan semata-mata.</p> <p>3) Lemah di dalam pengurusan masa.</p>	<p>1) Tidak mementingkan psikologi pembelajaran di dalam bilik darjah.</p> <p>2) Tidak mahir menggunakan teknik menyoal.</p> <p>3) Hanya menyoal pelajar yang faham sahaja.</p> <p>4) Kawalan kelas adalah lemah.</p>
Sampel B	<p>1) Penguasaan terhadap silibus matematik Tingkatan empat adalah baik.</p> <p>2) Membuat rujukan untuk mendapatkan idea tentang bagaimana sesuatu</p>	<p>1) Suka mengajar menggunakan kaedah Perbincangan.</p> <p>2) Aktiviti yang dilakukan tidak melibatkan semua pelajar dan kurang menarik.</p>	<p>1) Mementingkan psikologi pembelajaran semasa pengajaran.</p> <p>2) Menyoal pelajar untuk menguji pemahaman pelajar.</p>

	<p>topik itu dipersembahkan.</p> <p>3) Berbincang dengan guru pembimbing sekiranya terdapat soalan yang sukar untuk diterangkan kepada pelajar.</p>		
Sampel C	<p>1) Penguasaan terhadap silibus matematik Tingkatan empat adalah baik.</p> <p>2) Berbincang dengan guru pembimbing tentang bagaimana hendak menyampaikan sesuatu perkara agar pelajar mudah faham.</p> <p>3) Menghadapi masalah untuk menghubungkan sesuatu topik matematik dengan 'real life'.</p>	<p>1) Suka menggunakan kaedah Perbincangan, Penerangan dan Kooperatif.</p> <p>2) Menggunakan BBM yang konkrit untuk memahamkan pelajar.</p>	<p>1) Menyoal pelajar untuk menguji pemahaman pelajar.</p> <p>2) Sampel lebih suka menggunakan latih tubi untuk mengenal pasti kefahaman pelajar-pelajarnya.</p>
Sampel D	<p>1) Menguasai silibus Tingkatan empat dengan baik.</p>	<p>1) Suka menggunakan kaedah perbincangan.</p>	<p>1) Menggunakan teknik menyoal secara menyeluruh</p>

	<p>2) Menemui guru pembimbing untuk membincangkan soalan yang tidak dapat diselesaikan.</p>	<p>2) Pembelajaran kooperatif yang dilakukan tidak begitu berkesan.</p> <p>3) Mengajar secara tradisional untuk menerangkan konsep yang memerlukan masa yang lama untuk pelajar fahami.</p>	<p>untuk menguji kefahaman pelajar.</p>
Sampel E	<p>1) Penguasaan terhadap silibus matematik Tingkatan dua adalah sangat baik.</p> <p>2) Berbincang dengan guru pembimbing tentang bagaimana untuk mengawal kelas dengan baik.</p>	<p>1) Suka mengajar menggunakan kaedah perbincangan dan kooperatif.</p> <p>2) Menggunakan BBM supaya pelajar mudah memahami apa yang diajar.</p> <p>3) Pernah mengajar secara tradisional kerana ketandusan idea untuk mencari</p>	<p>1) Mementingkan psikologi pembelajaran di dalam pengajarannya.</p> <p>2) Pengawasan kelas yang baik.</p>

		strategi pengajaran yang sesuai digunakan.	
Sampel F	<p>1) Penguasaan terhadap silibus matematik Tingkatan Satu adalah sangat baik.</p> <p>2) Menghadapi masalah di dalam topik yang memerlukan penggunaan protaktor.</p>	<p>1) Menggunakan BBM untuk membantu pelajar untuk memahami serta menguasai sesuatu topik yang diajar.</p> <p>2) Tidak pernah mengajar secara tradisional.</p>	<p>1) Sampel dapat mengesan kefahaman pelajar apabila mereka suka bertanya.</p>

**Jadual 1:** Jadual Dapatan Kajian

## Perbincangan

### Sejauhmana ‘Content Knowledge’ mempengaruhi keyakinan guru pelatih.

Shulman (1987), mendefinisikan ‘Pedagogical Content Knowledge’ sebagai satu gabungan antara kandungan (content) dan pedagogi untuk memahami bagaimana sesuatu topik, masalah atau sesuatu isu itu disusun, dipersembahkan dan disesuaikan dengan pelajar yang kemudian dipersembahkan dalam pengajaran.

Tegasnya lagi, terdapat beberapa pengetahuan kandungan (knowledge content) yang dipersembahkan kepada pelajar. Seperti pengetahuan guru terhadap sesuatu kandungan (content) dan pengetahuan bagaimana untuk mengajar serta memahami pelajar mengenai kandungan sesuatu mata pelajaran. Oleh itu, guru seharusnya menguasai isi kandungan sesuatu mata pelajaran yang diajar serta mengetahui pedagoginya di dalam pengajaran.

Guru tidak boleh mengajar mata pelajaran yang mereka sendiri tidak kuasai (Haberman, 1995). Oleh itu, memahami serta menguasai kandungan mata pelajaran yang hendak diajar adalah perkara yang amat penting kepada seorang guru supaya tidak menyampaikan ilmu yang salah.

Melalui temuramah terhadap guru pembimbing Sampel B, D dan E menyatakan bahawa masing-masing mempunyai penguasaan yang baik terhadap ilmu matematik Sekolah Menengah. Berdasarkan analisis dapatan kajian menunjukkan guru pelatih tidak memerlukan masa yang lama untuk memahami dan menguasai sesuatu topik yang diajar. Tetapi di awal tempoh latihan mengajar, sampel-sampel kurang yakin kerana bimbang dan tidak berani menghadapi pelajar yang akan mereka ajar. Tetapi, akhirnya masing-masing menunjukkan perubahan yang baik.

Sehubungan dengan itu, penyelidik mendapati penguasaan ilmu matematik mempengaruhi tahap keyakinan guru pelatih. Kesemua guru pelatih yang ditemuramah menyatakan bahawa dengan



penguasaan yang baik terhadap ilmu matematik mereka akan berkeyakinan untuk memberi penjelasan kepada setiap pertanyaan yang diajukan kepada mereka.

### **Pedagogi Matematik (Mathematical Pedagogy)**

Pedagogical knowledge merupakan aspek yang amat penting di dalam profesion perguruan. Pedagogi merupakan ilmu sains dalam pengajaran. Teori pendidikan (educational theory) dan kaedah pengajaran (instructional methods) adalah dua aspek yang sangat penting dipelajari untuk memahami apa itu pedagogi pendidikan. Kaedah pengajaran merupakan teknik dan strategi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran di bilik darjah (Renne Campoy, 2005).

Menurut Bramald, Hardman & Leat di dalam bukunya mereka menyatakan bahawa guru akan mengajar berdasarkan apa yang mereka pelajari. Berikut adalah petikan yang ditulis: (Bramald, Hardman & Leat, 1995)

*'...student teachers have definite ideas about teaching and learning when they start out in their training, which have developed from their own educational experience and which shape their perceptions of teaching and developing practice.'* (p.23)

Penyataan Lortie dalam bukunya mengatakan, bakal guru biasanya akan menggunakan teori pembelajaran yang diperolehi dari pengalaman sendiri semasa bergelar pelajar. Walaupun mereka telah mengikuti program perguruan di university serta memiliki bilik darjah sendiri, guru masih lagi mengajar mengikut cara mereka diajar oleh guru mereka semasa di sekolah (Lortie, 1975).

Petikan di atas tidak boleh dinafikan. Berdasarkan analisis yang dibuat, penyelidik mendapati guru pelatih pernah menggunakan cara tradisional di dalam mengajar matematik kepada pelajarannya kecuali sampel F. Alasan yang diberikan adalah seperti tiada idea bagaimana untuk mengajar. Ada juga yang menyatakan yang pelajar lebih suka dengan pengajaran cara lama kerana sudah terbiasa dengan cara pengajaran guru mereka yang terdahulu. Namun begitu pengajaran tradisional ada juga kelebihan. Sampel D mempraktikkan pengajaran tersebut hanya lah untuk menerangkan sesuatu konsep matematik yang akan mengambil masa yang lama untuk memahamkan pelajar.

Terdapat juga guru pelatih yang tidak dapat mengajar walaupun telah mempelajari segala teori-teori pengajaran di universiti. Malah telah pun mengikuti kelas 'Micro Teaching'. Guru pelatih tidak dapat mengajar dengan yakin walaupun mempunyai penguasaan yang baik terhadap ilmu matematik.

Untuk memberi respon terhadap petikan di atas Renne Campony mengatakan, terdapat perbezaan di antara teori dan praktikal. Seseengah guru mengadu teori-teori yang dipelajari di universiti tidak berkesan langsung untuk dipraktikkan di dalam bilik darjah sebenar. Apabila ditanya mengenai apa itu teori pengajaran mereka boleh menerangkannya namun tidak mampu dipraktikkan ke dalam kelas. Ini adalah kerana mereka hanya menghafal untuk peperiksaan sahaja mengakibatkan mereka tidak dapat untuk mempraktikkan segala teori yang telah dipelajari (Renne Campony, 2005).

### **Psikologi Pembelajaran di dalam konteks pemahaman pelajar di dalam bilik darjah.**

Shulman (1986), menambah bahawa, 'pemahaman tentang apa yang menjadikan sesuatu topik itu mudah atau sukar' merupakan sebahagian daripada Pedagogical Content Knowledge (PCK). Ini termasuklah pengetahuan pelajar tentang prakonsepsi (preconceptions) and miskonsepsi (misconceptions), dan strategi untuk membantu pelajar di dalam menyusun kefahaman mereka.

Menurut Khoo Phon Sai (1986) di dalam bukunya menyatakan langkah menguji pemahaman pelajar merujuk kepada pertanyaan-pertanyaan mengenai samada semua pelajar dapat memahami kandungan pelajaran atau kemahiran yang telah diajar. Cara menguji pemahaman yang salah ialah dengan menanyakan beberapa soalan yang ditujukan kepada pelajar yang mengangkat tangan sahaja, kemudian beranggapan semua pelajar telah memahami apa yang diajar.

Berdasarkan analisis kajian, terdapat guru pelatih yang tidak dapat mempraktikkan Teknik Menyoal dengan baik dan tidak menyoal secara menyeluruh. Misalnya, sampel A yang tidak tahu bagaimana hendak menyoal pelajarannya. Manakala sampel C yang hanya menyoal pelajar yang berada di hadapan sahaja.

Dalam asas pelajaran, perkembangan pelajaran biasanya diperolehi dengan menggunakan cara soal-jawab. Sekiranya suasana bilik darjah adalah baik, akan terdapat lah banyak soal-jawab dan perbincangan yang akan menghasilkan pengetahuan yang beerti. Oleh itu teknik guru mengemukakan soalan merupakan perkara yang penting di dalam mengesan pemahaman pelajar.

Menurut Sue Leach (2006), dalam menjalani latihan mengajar, perkara penting yang harus diambil berat oleh guru pelatih adalah memahami sikap pelajar di dalam bilik darjah. Memahami psikologi pembelajaran akan membantu guru pelatih untuk mengenal pasti pelajar yang malas termasuk lah mereka yang kurang berminat terhadap matematik.

Petikan tersebut bersesuaian dengan analisis kajian yang mana guru pelatih memerlukan masa untuk meningkatkan keyakinan di dalam pengajaran. Ini kerana setelah memahami sikap pelajar baru lah guru pelatih dapat mengajar dengan penuh yakin dengan menyampaikan pengajaran mengikut sikap dan tahap kognitif pelajar-pelajarannya. Sampel C, E dan F misalnya menyatakan bahawa mereka mula berasa yakin setelah beberapa kali masuk ke kelas dan bertemu dengan pelajar-pelajarannya. Guru pelatih sudah boleh memahami pelajar-pelajarannya serta dengan mudah boleh menarik perhatian mereka untuk memberi perhatian sepenuhnya semasa pengajarannya.

Berdasarkan kepada buku yang ditulis oleh Khoo Phon Sai (1986) mengenai menguji kefahaman pelajar. Terdapat beberapa garis panduan yang diberikan di dalam menguji pemahaman pelajar di antaranya ialah menyediakan banyak soalan sebelum mengajar, meyoal pelajar yang tidak mengangkat tangannya dan menyuruh semua pelajar menulis jawapannya.

Melalui analisis kajian daripada bab empat yang dibuat, perkara di atas dipraktikkan oleh guru pelatih di dalam pengajaran mereka. Sampel B, C, E dan F suka memberikan latihan yang banyak kepada pelajar. Mereka berpendapat dengan memberi latihan dan contoh-contoh kepada pelajar untuk diselesaikan mereka akan dapat mengesan pemahaman pelajar.

Ini menunjukkan penguasaan psikologi pembelajaran guru pelatih adalah baik dan mementingkan pemahaman pelajar mereka. Menguji pemahaman pelajar amat penting dilakukan kerana tanpa pengujian tersebut bagaimana guru pelatih hendak mengetahui keberkesanan pengajaran dan pembelajarannya di dalam bilik darjah.

### **Bagaimana ketiga-tiga faktor tersebut mempengaruhi keyakinan guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar.**

Menurut Coller (1999), guru pelatih memulakan latihan mengajar dengan perasaan tidak selamat dan ketakutan. Guru pelatih perlu menunjukkan kematangan dan keyakinan diri serta berusaha untuk memperbaiki kelemahan diri. Joram & Gabriele pula menyatakan bahawa guru pelatih dapat

meningkatkan keyakinan diri di dalam pengajaran dan pembelajaran semasa menjalani Latihan Mengajar (Joram & Gabriele, 1998).

Oleh itu, guru pelatih hendaklah menunjukkan keyakinan apabila berhadapan dengan pelajar. Sue Roffey menyatakan bahawa dengan menunjukkan sikap yakin di hadapan anak murid, pengajaran dapat dilakukan mengikut perancangan mengajar (lesson plan) yang dirancang. Keyakinan diri harus ada pada setiap guru yang baru mula mengajar. Bersikap yakin pada minggu pertama mengajar merupakan perkara yang amat penting kepada setiap guru, (Sue Roffey, 2004).

Berdasarkan analisis yang dibuat empat daripada enam responden berasa takut dan bimbang untuk menjalani latihan mengajar. Menurut guru pembimbing masing-masing menyatakan bahawa di awal tempoh latihan mengajar guru pelatih menunjukkan perasaan bimbang dan takut semasa mengajar. Ini kerana guru pelatih menyatakan bahawa sebelum ini mereka tidak pernah mengajar dan tidak mempunyai pengalaman mengajar di sekolah. Selain itu pengajaran matematik di dalam bahasa Inggeris turut menjadi faktor kebimbangan mereka untuk menjalani latihan mengajar dan risau sekiranya pelajar lebih bijak dari mereka. Ini menunjukkan guru pelatih tidak berkeyakinan sebelum menjalani latihan mengajar.

Penyataan di atas selari dengan apa yang dikatakan oleh Khoo Phon Sai di dalam bukunya. Katanya, pelatih mengalami perasaan gentar, tergesa-gesa, risau dan gugup terhadap pengalaman yang akan dialami. Guru pelatih juga berasa gembira tetapi pada masa yang sama berasa takut kerana kurang yakin terhadap tugas mengajar. (Khoo Phon Sai, 1986)

Walaubagaimana pun setelah beberapa bulan menjalani latihan mengajar guru pembimbing menyatakan bahawa guru pelatih semakin berkeyakinan dan seronok semasa mengajar. Penyelidik berpendapat guru pelatih memerlukan jangka waktu untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah dan memahami pelajar untuk mendapatkan keyakinan untuk mengajar.

Dari aspek penguasaan ilmu matematik, Aubrey menyatakan bahawa jika pengajaran untuk membantu orang lain untuk belajar, jadi memahami kandungan subjek yang akan diajar merupakan asas di dalam proses pengajaran (Aubrey, 1997a, p. 3).

Manakala, Abd. Rahim (1999) menyatakan seseorang guru perlu mempunyai pelbagai pengetahuan, khususnya dalam bidang yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana pengetahuan guru dari perspektif pengajaran membolehkan seseorang guru itu memainkan peranannya dengan lebih efektif dan mampu menangani pelbagai masalah yang dihadapi. Guru yang cekap pula, dapat menggunakan pengetahuannya yang luas untuk dirinya supaya lebih cekap, dedikasi dan berwibawa untuk melaksanakan tugasnya dalam dunia pendidikan yang sering berubah dan kian mencabar. Menurutnya lagi, kurangnya pengetahuan guru terhadap sesuatu tajuk yang diajarnya akan menyebabkan guru tersebut tidak dapat menguasai dan menyampaikan pengajarannya dengan baik dan memuaskan. Malah, pengajaran guru tidak dapat diikuti oleh pelajar dan menimbulkan masalah kepada mereka.

Dari aspek penguasaan terhadap pedagogi matematik, Bishop menyatakan bahawa pengajaran matematik seharusnya mampu memberikan pembelajaran yang bermakna kepada pelajar (Bishop, 1991). Kombinasi pelbagai kaedah dan teknik dalam pengajaran matematik akan menghasilkan pengajaran yang berkesan dan bermakna (Esah Sulaiman, 2003).

Dari aspek psikologi pembelajaran di dalam konteks menguji kefahaman pelajar. Hay McBer di dalam kajiannya mengenai kemahiran mengajar merumuskan bahawa seorang guru yang efektif sering menyoal pelajar untuk memastikan pelajar memahami terhadap pengajarannya sehingga kelas tamat. Dengan melakukan soal jawab di bilik darjah guru dapat mengesan sejauh mana kefahaman pelajar terhadap pengajarannya. Maklumat yang diperoleh daripada sesi soal jawab tersebut akan dianalisis untuk

memperbaiki lagi pengajarannya di dalam menghasilkan pengajaran yang berkesan (Peter Fleming, 2004).

Daripada analisis kajian, guru pelatih memberikan pendapat yang hamper sama terhadap pernyataan-pernyataan di atas berkaitan dengan penguasaan ilmu matematik, pedagogi matematik dan juga psikologi pembelajaran. Guru pelatih menyatakan bahawa dengan menguasai ketiga-tiga perkara di atas pengajaran akan menjadi lebih efektif, mantap serta dapat mengenal pasti kelemahan dan kekurangan strategi pengajaran yang dilaksanakan. Sampel D berpendapat, tanpa penguasaan ilmu matematik, sampel tidak akan berkeyakinan untuk mengajar kerana tidak dapat menilai yang mana betul yang mana salah. Sampel juga berkeyakinan sekiranya menggunakan pedagogi yang mampu menghasilkan pengajaran yang berkesan. Psikologi pembelajaran di dalam menguji kefahaman pelajar hendaklah dikuasai bagi memupuk keyakinan di dalam mengajar.

Oleh yang demikian penyelidik berpendapat ketiga-tiga komponen yang disebut di atas saling berkait di dalam mempengaruhi keyakinan guru pelatih untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan.

### **Rumusan**

Pengajaran merupakan satu aktiviti khas dan kompleks. Apabila guru-guru pelatih dihantar ke sekolah untuk menjalani Latihan Mengajar, mereka telah menghadapi kejutan budaya (culture shock). Guru pelatih mula keliru dengan tujuan latihan mengajar serta pengajarannya yang akan digredkan.

Ini kerana guru pelatih mendapati teori yang dipelajari semasa di universiti tidak dapat dipraktikkan. Realiti sebenar memberikan masa yang lama kepada guru pelatih untuk menyesuaikan dengan persekitaran sekolah. Selain itu, jangkaan-jangkaan guru pelatih yang terlalu tinggi terhadap pelajar mengakibatkan mereka kurang yakin untuk menjalani Latihan Mengajar. Guru pelatih yang meletakkan jangkaan yang tinggi kepada pelajar akhirnya mendapati jangkaan tersebut tidak betul mengakibatkan tahap keyakinan mereka menurun. Walaubagaimanapun setelah memahami sikap dan menyesuaikan diri dengan keadaan pelajar dan sekolah akhirnya guru pelatih mampu menjalani Latihan Mengajar dengan jayanya.

Sesungguhnya Latihan Mengajar merupakan medium yang amat penting untuk melatih bakal-bakal guru. Dengan menjalani latihan ini pelajar akan didedahkan kepada situasi sebenar suasana iklim sekolah dan juga profesyen perguruan.

### **Rujukan**

Ameena Ebraheem Al-Methan (2003). *Merits of Micro-teaching as Perceived by Student Teachers at Kuwait University*.

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon (2006), Abdul Rahim Hamdan. *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publisher.

Beth Southwell, Allan L. White (2005). *Attitudes versus Achievement in Pre-service Mathematics Teacher Education*.

Claire Mooney and Keith Jones, (2002). *Lost In Space: Primary Trainee Teachers' Spatial Subject Knowledge And Their Classroom Performance*. Vol 1, page 363.

Esah Sulaiman, (2003). *Asas Pedagogi*. Johor: Cetak Ratu sdn. Bhd.

Fakulti Pendidikan Institusi Pengajian Tinggi dan Bahagian Pendidikan Guru (2005). *Penilaian Latihan Mengajar Dalam Program Pendidikan Guru di Malaysia*. USM:Yusran Publishing.

George Hillocks, Jr. (1999). *Ways of Thinking Ways of Teaching*. Teacher College Columbia University New York and London.

Habibah Elias, dan Rahil Hj. Mahyuddin (1990). *Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka